

23/10/2002

Bank pusat negara OIC perlu wujud BPA dinar emas

Abdul Halim Yusoff; Jami'ah Shukri

BANK pusat negara Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) perlu mewujudkan Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) pada asas dinar emas sebagai langkah pertama memudahkan perdagangan menerusi sistem itu.

Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata bank pusat negara anggota OIC kemudian boleh mengembangkan BPA itu kepada Peraturan Pembayaran Pelbagai Hala (MPA) dalam dinar emas.

"Bergantung kepada sejauh mana kejayaan dalam pelaksanaan kedua-dua BPA dan MPA berteraskan dinar emas, adalah tidak bijak untuk cuba mengubah sistem kewangan sekarang sekelip mata.

"Bagaimanapun, pelaksanaan penggunaan dinar emas untuk tujuan perdagangan antarabangsa mungkin boleh dilakukan mengikut kesesuaian dan secara berperingkat.

"Projek (perdagangan menggunakan) dinar emas perlu perancangan rapi. Justeru, bank pusat perlu berfungsi penting dalam pelaksanaannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja Peranan Bank Pusat Dalam Pelaksanaan Dinar Emas pada Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala.

Seminar dua hari itu dianjurkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), sempena sambutan ulang tahun ke-10 penubuhannya di Kuala Lumpur, semalam.

Nor Mohamed berkata, dalam pada fungsi utama bank pusat di negara maju menetapkan dasar kewangan, tugasnya dalam ekonomi membangun lebih meluas.

"Selain sebagai ejen pembayaran dan penjaga rizab mata wang asing, ia juga harus merangkumi pembangunan sumber manusia, dan kemajuan sesebuah negara.

"Mungkin lebih penting lagi, cadangan mekanisme dinar emas membabitkan pembayaran menerusi bank pusat yang sekali gus perlu memastikan pembayaran sentiasa cekap dan berkesan," katanya.

Bank pusat berfungsi menjaga rizab asing sesebuah negara dan rizab bertambah menerusi imbalan pembayaran positif - sesuatu yang sering dianggap sebagai baik.

"Akan tetapi, jika diperhatikan dengan mendalam ia tidak semestinya baik kerana rizab mata wang asing disimpan di bank negara asing.

"Dengan kata lain, rizab luaran satu bentuk pinjaman kepada negara yang mana simpanan itu dideposit, sama ada dalam bentuk baki bank atau instrumen kewangan lain," katanya.

Nor Mohamed berkata, dengan demikian, negara membangun bukan saja membenarkan negara kaya menikmati wang penat lelah rakyat mereka, tetapi juga menyediakan sumber mengembangkan ekonomi.

"Negara membangun perlu saling membantu untuk berkembang dengan membeli sesama sendiri dan mengurangkan penggunaan mata wang negara maju untuk penyelesaian perdagangan.

"Negara membangun sepatutnya menggunakan lebih dagangan untuk membiayai pembangunan mereka. Inilah kemuncak sasaran cadangan mekanisme dinar emas," katanya.

Cadangan penggunaan dinar emas sebagai penyelesaian bagi perdagangan antarabangsa dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia dicadangkan sebagai pilihan bagi pembayaran dan mengelak sesuatu mata wang dijadikan komoditi yang diniagakan sehingga mencetuskan krisis kewangan.

Nor Mohamed sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan bersedia menggunakan dinar emas sebagai mekanisme tambahan pembayaran perdagangan antarabangsa negara, mulai pertengahan tahun depan.